

11/02/2005

The Mines lancar Launchpad

SERI KEMBANGAN: The Mines Resort City semalam menambah satu lagi tarikan pengunjung apabila melancarkan Launchpad, tempat khas untuk menganjurkan pelbagai acara korporat.

Pengarah Urusan Country Heights Holdings Berhad, Tan Sri Lee Kim Yew, berkata Launchpad adalah satu lagi kemudahan di The Mines City yang sejajar dengan matlamat untuk menjadikan Mines Resort City sebagai destinasi membeli-belah terunggul dan unik di negara ini.

"Launchpad bakal menjadi kemudahan kami untuk menjalinkan kerjasama dengan pengeluar, syarikat korporat serta agensi pengurusan acara," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Launchpad di sini, kelmarin.

Pelancaran Launchpad dilakukan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir ialah penyanyi terkenal negara, Siti Nurhaliza dan Miss Chinese Cosmos Pageant 2004, Carrie Lee.

(END) Source : Berita Harian